



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 (6)

Tarikh: 22 Jun 2012

KENYATAAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KPI AKTA 672 TEGAS

Putrajaya, 22 Jun 2012 - Penswastan dan Pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011 telah memperlihatkan keberkesanan di dalam pengurusan sisa pepejal terutama di dalam kepatuhan syarikat-syarikat konsesi dalam pengurusan kutipan sisa pepejal menurut YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tambahnya lagi "Melalui analisis aduan yang dijalankan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPA) , di negeri Pahang dan Wilayah Persekutuan terdapat penurunan kes-kes aduan sisa pepejal yang tidak dikutip. Pada Januari 2012 sebanyak 819 aduan direkodkan, Februari 542 aduan, Mac dan April 480 aduan dan pada Mei sebanyak 422 aduan direkodkan. Pengurangan jumlah aduan yang ketara dapat dilihat melalui kaedah pemantauan yang telah dijalankan PPSA, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Di samping itu juga dengan tindakan penalti dalam mematuhi KPI yang ketat (stringent) serta penalti yang tinggi seperti yang terkandung di dalam perjanjian konsesi merupakan satu cabaran kepada syarikat-syarikat konsesi ini. Kerajaan telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan dimasukkan di dalam Perjanjian Konsesi yang mana telah ditandatangani oleh ketiga-tiga Syarikat Konsesi Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam'.

Menurut Chor, “KPI yang telah di tetapkan terbahagi kepada dua iaitu KPI primer dan sekunder mengikut betapa seriusnya kesalahan. Umpamanya, titisan air *leachate* daripada lori kompaktor, kenderaan yang digunakan tidak memenuhi keperluan Perjanjian Konsesi atau menggunakan kenderaan kutipan sisa pepejal untuk mengutip sisa-sisa pepejal lain dianggap sebagai kesalahan berat dan terjatuh di bawah KPI primer yang akan menyebabkan syarikat konsesi dikenakan denda dan *point deduction*, manakala kesalahan kecil seperti *missed collection* ataupun tidak menutup kembali tong sampah dikira sebagai kesalahan sekunder, syarikat konsesi dikenakan denda lebih rendah berbanding bayaran denda kesalahan primer”.

“Kesalahan sekunder yang telah di kenakan ke atas Syarikat Konsesi kutipan sisa pepejal Alam Flora Sdn. Bhd sebanyak RM1.7 Juta tidak membawa maksud bahawa prestasi syarikat yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan kutipan sisa pepejal di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang itu berada di tahap yang tidak memuaskan. Penalti ini bukan sahaja dikenakan kepada Alam Flora Sdn Bhd malahan kepada syarikat konsesi yang lain iaitu SWM Environment Sdn Bhd dan Environment Idaman Sdn Bhd. Penalti ini membawa mesej bahawa, Kerajaan amat serius dan tegas dalam memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat Konsesi mencapai tahap yang disasarkan.

Majoriti kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh Alam Flora Sdn. Bhd, dan syarikat konsesi yang lain dikenal pasti di bawah KPI sekunder perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Tindakan mengenakan denda ke atas konsesi ini menunjukkan ketegasan penguatkuasaan bagi memastikan objektif utama penswastan iaitu kualiti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berada di tahap yang lebih baik tercapai. Justeru, jumlah denda yang dikenakan kepada Alam Flora ini bukanlah gambaran syarikat tersebut tidak mampu melaksanakan perkhidmatan mereka. Dalam tempoh lapan (8) bulan ini (September 2011-April 2012) Alam Flora juga giat menambah baik perkhidmatan mereka sama ada membuat pembelian lori kompaktor yang baru termasuklah memastikan tenaga kerja yang mahir dalam usaha mematuhi KPI yang ditetapkan dan menambah baik perkhidmatan kutipan sisa pepejal di kawasan-kawasan pentadbiran mereka. Malah Kerajaan juga bersetuju telah terdapat peningkatan mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di semua negeri-negeri yang menerima penswastan pengurusan sisa pepejal di Malaysia sejak September 2011 hingga hari ini”.

Tegas beliau, “ Walau bagaimanapun Kerajaan tidak akan berkompromi sekiranya kesalahan-kesalahan kecil ini masih berterusan dan tiada tindakan pembedahan (*corrective & preventive*) diambil oleh syarikat-syarikat konsesi yang bertanggungjawab sehingga menyebabkan rakyat tidak selesa dan tindakan yang lebih tegas boleh diambil terhadap syarikat konsesi yang telah dilantik”.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di alamat email; jessy@kpkt.gov.my atau 0193535500.